



25 November 2021
25 November 2021
P.U. (A) 428

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) 2021

STAMP DUTY (REMISSION) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2018.

Peremitan

2. (1) Amaun duti setem yang kena dibayar di bawah subsubbutiran 22(1)(a) Jadual Pertama Akta yang melebihi kosong perpuluhan satu peratus (0.1%) daripada apa-apa jumlah atau sejumlah wang berhubung dengan apa-apa surat cara perjanjian perkhidmatan yang boleh dikenakan duti di bawah subsubbutiran itu yang disempurnakan pada atau selepas 28 Disember 2018 diremit.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), surat cara perjanjian perkhidmatan adalah suatu perjanjian yang disempurnakan oleh—

(a) suatu penyedia perkhidmatan utama dengan seseorang selain daripada Raja sesebuah Negeri atau Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang mengawardkan pengusahaan itu; atau

(b) suatu subpenyedia perkhidmatan dengan penyedia perkhidmatan utama jika penyedia perkhidmatan utama itu telah membuat suatu aku janji dengan Raja sesebuah Negeri atau Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang mengawardkan pengusahaan itu.